

08/02/1997

Ikut kemampuan: PM (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Keputusan mengenai tuntutan Cuepacs supaya kerajaan menaikkan imbuhan tetap perumahan (ITP) kakitangan awam masih bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang mengkaji tuntutan yang membabitkan kenaikan kepada kadar minimum RM230 sebulan itu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Tuntutan itu membabitkan sejumlah peruntukan yang besar dan wajar bagi kerajaan menelitinya secara terperinci. Kerajaan perlu menentukan kedudukan kewangannya dan keputusan mengenainya bergantung kepada laporan JPA," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka anjuran MCA sempena perayaan Tahun Baru Cina di Wisma MCA, di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas mengenai memorandum Cuepacs pada 9 Januari lalu supaya kadar minimum ITP dinaikkan kepada minimum RM230 berbanding kadar sekarang yang dianggap terlalu rendah untuk menampung kos sara hidup yang meningkat.

Pada masa ini, kakitangan dalam kumpulan pengurusan dan profesional menerima RM110, manakala kumpulan sokongan sebanyak RM90.

Cuepacs menguatkan alasan tuntutanannya itu dengan mengatakan 89 peratus kakitangan kumpulan sokongan tinggal di bandar dan pinggir bandar. Selain polis, tentera dan bomba yang mendiami kuarters, hampir 80 peratus daripada mereka terpaksa mendiami rumah sewa.

Kata Cuepacs, kadar sewa rumah yang sederhana besarnya di bandar besar seperti Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru dan sekitar Lembah Kelang adalah antara RM450 hingga RM750 sebulan.

Ditanya sama ada permintaan Cuepacs itu mempunyai harapan, Perdana Menteri berkata: "Tak tahu."

Kepada soalan sama ada kerajaan akan memberi elaun kepada kakitangan awam yang bertugas di bandar raya, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak membuat sebarang keputusan.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, pemimpin tertinggi MCA.

Perwakilan asing dan rakyat pelbagai kaum turut memeriahkan sambutan majlis itu yang diserikan dengan persembahan tarian kebudayaan tempatan.

Memorandum kepada JPA itu hasil pertemuan dengan Dr Mahathir pada 29 Oktober lalu dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali, ketika bengkel khas Cuepacs di Langkawi pada 27 hingga 30 Disember lalu.

Dalam memorandum yang sama, Cuepacs turut mengemukakan tuntutan supaya kerajaan mengkaji semula Jadual Gaji Matriks-Sistem Saraan Baru (SSB).

Cuepacs mengemukakan satu pengubahsuaian yang adil dengan mewujudkan satu lapis tangga gaji sahaja iaitu Tangga Gaji PT III atau Tangga Gaji PT II.

Cadangan itu memandangkan tangga gaji tiga peringkat (PT I, PT II dan PT III) dilaksanakan sejak 1992 yang mana ada antara anggota sektor awam telah dianugerahkan pergerakan gaji atas peringkat P III.

Sementara itu, Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid, mengalu-alukan kenyataan Dr Mahathir dan berharap JPA akan menyegerakan kajian terhadap memorandum Cuepacs itu.

"Kita hanya minta pertimbangan adil daripada kerajaan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, berdasarkan keadaan ekonomi negara dan kewangan kerajaan sekarang, permintaan Cuepacs itu munasabah dan seharusnya diterima oleh kerajaan.

Mohamad berkata, Cuepacs memberi penuh keyakinan kepada Perdana Menteri untuk menyelesaikan perkara itu "kerana kita tahu bahawa Dr Mahathir adalah seorang yang adil."

Kali terakhir Mohamad berjumpa dengan Dr Mahathir bagi membincangkan tuntutan Cuepacs itu ialah pada 29 Oktober lalu di Jabatan Perdana Menteri.

(END)